

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ  
(TANAH MERAH)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 27.05.2015**

**Y.B. DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [ TANAH MERAH ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk mengkaji semula kadar Cukai Barangan dan Perkhidmatan yang pada ini ditetapkan pada kadar enam peratus.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak berhasrat untuk mengkaji semula kadar Cukai Barang dan Perkhidmatan yang pada masa

ini telah ditetapkan pada kadar enam peratus. Kadar GST enam peratus telah ditetapkan berdasarkan kepada dua faktor seperti berikut:

- i. Pelaksanaan GST mestilah sekurang-kurangnya memberikan pulangan hasil yang sama sepertimana yang disumbangkan oleh SST; dan
- i. Tidak membebankan rakyat khususnya kepada golongan berpendapatan rendah.

Kadar GST enam peratus adalah bersesuaian dengan keadaan ekonomi semasa setelah mengambilkira beberapa faktor termasuklah pengurangan cukai individu, cukai korporat dan bantuan kewangan seperti BR1M.